

<p>Dagangan : MANUFACTURED TOBACCO PRODUCT</p> <p>Nama Perdagangan : Electrically Heated Tobacco Product (Heatstick)</p> <p>Jenama : Philip Morris</p>	<p>Kod Tarif (Perintah Duti Kastam 2012) : 2403.99 290</p> <p>Tarikh Kelulusan : 31 Oktober 2016</p>
---	--

Keterangan barangan :


Barangan berbentuk silinder seperti rokok dengan spesifikasi berikut:

- a) Panjang 45mm
- b) Diameter 7.3mm
- c) Berat 0.8g
- d) Berat tembakau (*tobacco plug*) 305.8mg

Barangan boleh didapati di dalam bungkusan 20 batang setiap kotak seperti gambar di bawah:



Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pemohon barangan yang dinamakan sebagai *Electrically Heated Tobacco Product (EHTP)* terdiri daripada komponen seperti gambarajah berikut:



Tobacco plug dikatakan diperbuat daripada *cast-leaf tobacco material* di mana ia dihancurkan menjadi kepingan nipis menjadi *tobacco plug* seperti berikut:

The tobacco plug is made of the cast-leaf tobacco material. This material is made from various tobacco types which are ground and formed into a sheet together with binders and humectants: water, guar and natural cellulose fibres as well as glycerine.

This plug is specifically formulated for heating only and is not designed for smoking. It is the source of tobacco taste and flavours. When heated, water and glycerine evaporate and re-condense into small droplets to generate a visible nicotine aerosol (vapour).

Barangan adalah *refill* kepada peralatan elektrik yang dipanggil *Electrically Heated Tobacco System* seperti gambarajah berikut:



Apabila digunakan, barangan akan dimasukkan ke dalam *Holder* dan pengguna menghidupkan suis untuk memulakan pemanasan tembakau. Suhu yang diperlukan untuk memanaskan tembakau ini adalah rendah di mana pengguna akan menyedut wap (*vapour*) yang dihasilkan kerana barangan dihasilkan daripada campuran tembakau, air, gliserin dan nikotin. Berdasarkan risalah yang dikemukakan, barangan akan dipanaskan pada suhu yang optimum sehingga 20 saat dan setiap batang akan bertahan selama 6 minit atau 14 sedutan.

Barangan ini sesuai diperjeniskan di bawah kod tarif **2403.99 290 [PDK 2012]** sebagai ***other manufactured tobacco*** berdasarkan alasan-alasan berikut:

1. Berdasarkan bentuk fizikal barangan iaitu bentuk silinder seperti rokok terdiri daripada 6 komponen utama iaitu *tobacco plug (with a tobacco mixture)*, *hollow acetate tube*, *polymer-film filter*, *mouth piece filter*, *outer paper* dan *mouth-end paper* yang disahkan mengandungi bahan tembakau oleh analisis pakar.
2. Komponen utama adalah *tobacco plug* yang diperbuat daripada *cast-leaf tobacco material* di mana ia dihancurkan dan dicampur bahan seperti *water*, *binders* dan *humectants* sebelum dikeringkan dan dijadikan kepingan nipis.
3. *Tobacco plug* di dalam barangan kelihatan seperti kepingan nipis yang telah dilipat berbanding tembakau dalam rokok biasa yang kelihatan seperti tembakau yang dicincang / diracik.



4. Barangan adalah *refill* kepada peralatan elektrik yang dipanggil *Electrically Heated Tobacco System* di mana barangan akan dimasukkan ke dalam *Holder* dan ia akan memanaskan tembakau tersebut. Suhu yang diperlukan untuk memanaskan tembakau ini adalah rendah di mana pengguna akan menyedut wap (*vapour*) yang dihasilkan.